

Bantuan nasihat, kepakaran IAP ikhlas

BH 10 SEP 2000

KUALA LUMPUR: Khidmat dan bantuan kepakaran yang diberikan Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Rava Multimedia ikhlas, demi memajukan bidang teknologi maklumat (IT) dan K-Ekonomi negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, rakyat negara ini tidak harus menganggap bantuan anggota IAP sebagai perkara biasa yang semua pihak boleh memberikannya.

“Tidak semua orang boleh beri nasihat dan tidak juga berminat untuk memberi nasihat. Apabila ada orang berminat, kita harus bersyukur dan berterima kasih kerana ini boleh membantu kita mengatasi cabaran pada masa

depan,” katanya melancarkan bangunan ibu pejabat baru KUB Malaysia Berhad, di Jalan Yap Kwan Seng, di sini, petang semalam.

Bangunan yang dikenali KUB.com berharga RM64.9 juta itu dibeli November lalu dengan menempatkan 11 syarikat KUB khususnya yang terbabit dalam industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Dr Mahathir berkata, rakyat, terutama Bumiputera harus merebut peluang dengan kehadiran dan bantuan anggota IAP untuk mencuburi dan menguasai bidang teknologi baru itu.

Katanya, kerajaan bersyukur kerana selain keikhlasan anggota IAP, mereka juga sanggup

membantu dan memberi penuh komitmen untuk negara memajukan MSC dan sektor K-ekonomi.

“Nasib baik kita ada orang yang seperti ini (ahli panel IAP) yang tidak mahu memburukkan kita tetapi mereka membantu untuk memperbaiki hidup,” katanya.

Perdana Menteri turut mengingatkan pentingnya rakyat di negara ini mempelajari dan menguasai kemahiran dalam bidang IT bagi membolehkan mereka bersaing dalam dunia globalisasi

Katanya, dalam dunia baru, sempadan tidak dapat melindungi mereka daripada orang yang bijak dalam bidang k-ekonomi.